

1,000 pelajar UPM terima agihan zakat berjumlah RM100,000

Oleh Basir Zahrom
basir@bharian.com.my

ZAKAT sebanyak RM100,000 telah diagihkan kepada 1,000 pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) daripada golongan keluarga yang miskin bagi memeriahkan sambutan Aidilfitri ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Azali Mohamed telah menyampaikan zakat itu dalam majlis Nur Kasih Ramadan yang menghimpunkan tiga acara sekali gus iaitu penyerahan zakat, watakah pelantikan Ahli Jawatankuasa (AJK) Kelab al-Biruni dan majlis khatam al-Quran 85 pelajarinya.

Menurut Azali program yang julung kali diadakan itu bertujuan mengimarahkan sambutan Ramadan dan membantu pelajar kurang berkemampuan membuat persiapan menjelang Syawal.

"Kami berjaya mengumpul

RM70,000 melalui potongan gaji kakitangan UPM dengan kerjasama Lembaga Zakat Selangor selain menerima RM30,000 daripada zakat Bank Islam untuk diagihkan kepada pelajar," katanya.

Agihan zakat itu turut disampaikan oleh Setiausaha Politik Menteri Penganjuran Tinggi, Mohammad Khairi A Malik.

Beliau turut memuji langkah UPM yang prihatin kebajikan pelajar yang memerlukan bantuan.

"Saya berharap usaha seperti UPM ini dapat diteladani agensi lain di luar sana," katanya.

Berkenaan Kelab al-Biruni, Azali berkata kelab yang eksklusif itu adalah untuk pelajar Melayu yang mendapat nilai gred purata kumulatif 3.5 ke atas saja.

"Tujuan kelab ini ditubuhkan ialah menggalakkan pelajar Melayu memperoleh keputusan cemerlang dan mengekalkan prestasi tersebut.

Ahli yang merosot keputusannya akan diminta meninggalkan kelab.

"Kami sedang merangka pelbagai keistimewaan untuk ahli kelab ini sebagai perangsang untuk pelajar menyertai kelab ini. Setakat ini kelab mempunyai lebih 3,000 orang ahli," katanya.

Sementara itu, Khairi berkata, beliau akan membuat pertemuan dengan ahli jawatankuasa Kelab al-Biruni bagi merancang program ilmiah di UPM pada masa datang.

"Banyak program yang boleh dilakukan selepas perbincangan tersebut," katanya.

Hadir sama, Pengurus Besar Hubungan Strategik Bank Islam Berhad, Datuk Wan Ismail Wan Yusoh; Pengurus Bank Islam Cawangan Putrajaya, Datin Zaidah Jaafar; Ketua Pentadbiran Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Munim Dawan dan pegawai-pegawai kanan UPM.



SEBAHAGIAN pelajar UPM yang menerima zakat bersama replika cek sumbangan Bank Islam pada majlis Nur Kasih Ramadan, baru-baru ini.